

**TEKS UCAPAN
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PRESIDEN ANGKATAN KOPERASI
KEBANGSAAN MALAYSIA BERHAD
(ANGKASA)
PRESIDEN ASEAN CO-OPERATIVE
ORGANIZATION (ACO)**

**MAJLIS KUNJUNGAN DELEGASI KOPERASI
JASA DHARMA WANITA UNIVERSITAS
ANDALAS (UNAND), SUMATERA BARAT KE
ANGKASA**

**21 OGOS 2026 (JUMAAT)
9.00 PAGI
BILIK SADIK, ANGKASA**

[SALUTASI & PROTOKOL]

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamu'alaikum

Warahmatullahi

Wabarakatuh, Salam Sejahtera, dan

Salam Koperasi Madani.

1. Yang Dihormati Ibu Dewi Asriyanti

Ketua Koperasi Jasa Dharma Wanita Universitas Andalas;

2. Yang Dihormati Ibu Enifita Djinis

Pembina Koperasi Jasa Dharma Wanita Universitas Andalas;

3. Yang Dihormati Ibu Sri Hayana

Bendahara Koperasi Jasa Dharma Wanita Universitas Andalas;

4. Yang Dihormati Barisan Pengurus, Pengawas, serta Seluruh Delegasi Koperasi Jasa Dharma Wanita Universitas Andalas yang kami muliakan dan banggakan;

5. Yang Berbahagia Barisan Anggota Lembaga ANGKASA;

6. Pengurusan Kanan serta Warga Kerja ANGKASA;

7. Serta semua sidang hadirin, pejuang gerakan koperasi yang dirahmati Allah sekalian.

[1. MUKADIMAH: SALAM SERUMPUN & ALUAN KASIH]

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana

dengan limpah kurnia, rahmat, dan inayah-Nya, pada hari Jumaat yang penuh barakah ini, kita dapat berhimpun menyambut kehadiran para srikandi gerakan koperasi dari ranah Minangkabau.

Bagi pihak seluruh warga Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) saya merakamkan setinggi-tinggi ucapan **"Selamat Datang"** dan *Ahlan Wa Sahlan* kepada Ibu Dewi Asriyanti, Ibu Enifita Djinis, Ibu Sri Hayana, serta seluruh delegasi Koperasi Jasa Dharma Wanita Universitas Andalas (UNAND) ke ibu pejabat ANGKASA di Kelana Jaya.

Kehadiran ibu-ibu sekalian dari Universiti Andalas, sebuah institusi pendidikan tinggi tertua dan tersohor di Pulau Sumatera, membawa erti persaudaraan serumpun yang amat istimewa. Nilai kepimpinan wanita di Minangkabau yang berteraskan falsafah *Bundo Kanduang* amat bertepatan dengan

semangat koperasi yang mendidik, memelihara, dan memakmurkan ekonomi keluarga serta masyarakat.

[2. PENGHORMATAN KEPADA PENCAPAIAN KOPERASI JASA DHARMA WANITA UNAND]

Kami di ANGKASA dan ACO menyanjung tinggi inisiatif serta pencapaian cemerlang Koperasi Jasa Dharma Wanita UNAND.

Ditubuhkan secara rasmi pada tahun 2021 melalui iltizam 25 orang perintis anggota Dharma Wanita di bawah naungan kepimpinan Ibu Enifita Djinis, koperasi ini telah berkembang pesat sebagai model koperasi berasaskan komuniti akademik yang sangat berdaya maju.

Keupayaan koperasi ini mempelbagaikan sektor perkhidmatan, daripada pengurusan gerai peruncitan keperluan harian, katering dan jasa boga, pemerkasaan produk UMKM tempatan seperti industri tenun dan sentra randang,

sehinggalah kepada penyediaan perkhidmatan penjagaan kanak-kanak (*Andalas Day Care*) yang menyokong kebajikan warga akademik, merupakan bukti nyata bahawa koperasi wanita berupaya menjadi tunjang penyelesaian sosioekonomi moden.

Dedikasi Ibu Dewi Asriyanti selaku Ketua, Ibu Enifita Djinis selaku Pembina, serta pengurusan kewangan yang berhemah di bawah Ibu Sri Hayana wajar dijadikan teladan dalam memacu pertumbuhan koperasi wanita berdaya saing tinggi.

[3. PROFIL & PENCAPAIAN GERAKAN KOPERASI MALAYSIA (ANGKASA)]

Sidang delegasi yang dihormati, Sebagai badan puncak gerakan koperasi di Malaysia yang diiktiraf kerajaan sejak tahun 1971, ANGKASA terus memainkan peranan sebagai pemangkin transformasi ekonomi rakyat.

Gerakan koperasi Malaysia hari ini berdiri megah dengan statistik pencapaian yang kukuh:

- . **Jumlah Koperasi Berdaftar:** Melebihi **16,484** buah koperasi.
- . **Jumlah Keanggotaan:** Menjangkau lebih **7.3 juta orang** (merangkumi lebih 20% populasi negara).
- . **Modal Syer dan Yuran Terkumpul:** Mencecah **RM17.5 bilion**.
- . **Jumlah Aset Koperasi:** Melebihi **RM165 bilion**.
- . **Perolehan Tahunan:** Menjana lebih **RM45 bilion**, dengan sasaran strategik mencecah **RM60 bilion hingga RM64 bilion** menjelang tahun 2030 berlandaskan *Dasar Koperasi Malaysia 2030 (DKM 2030)*.

Di bawah payung ANGKASA, pembangunan **Koperasi Wanita** diberi penekanan khusus menerusi *Jawatankuasa Pembangunan Wanita Koperasi*.

Kaum wanita di Malaysia kini menyumbang hampir 40% daripada keseluruhan keanggotaan koperasi dan memimpin pelbagai sektor penting seperti perkhidmatan kredit mikro, penjagaan kesihatan & kebajikan (*care economy*), industri makanan halal, serta keusahawanan kraftangan dan fesyen.

[4. HUBUNGAN STRATEGIK ANGKASA DENGAN DEKOPIN & KEMENKOP]

Hubungan persaudaraan antara gerakan koperasi Malaysia dan Republik Indonesia telah terjalin akrab merentasi pelbagai dekad.

ANGKASA sentiasa mengekalkan komunikasi yang harmoni dan kerjasama strategik yang utuh bersama:

1. **Dewan Koperasi Indonesia (DEKOPIN)** selaku badan puncak koperasi Indonesia; dan
2. **Kementerian Koperasi Republik Indonesia (KEMENKOP).**

Dengan kekuatan gerakan koperasi Indonesia yang memiliki lebih **136,000 buah koperasi aktif** serta lebih **28 juta orang anggota**, sinergi antara ANGKASA, DEKOPIN, dan KEMENKOP terus menjadi nadi penggerak dalam pertukaran modul latihan, pembangunan keusahawanan wanita, serta perkongsian polisi memperkasa ekonomi kerakyatan serumpun.

[5. PERANAN ACO & PELUANG GERAKAN KOPERASI ASEAN]

Melalui platform **ASEAN Co-operative Organization (ACO)**, kami memayungi lebih **347,599 buah koperasi** dengan kekuatan lebih **66.6 juta orang anggota** di seluruh rantau Asia Tenggara.

Sebagai sebuah organisasi yang diiktiraf sebagai *ASEAN Associate (Civil Society*

Organisation), ACO giat membuka laluan pasaran rentas sempadan (*cross-border business matching*) untuk memanfaatkan pasaran serantau ASEAN yang melebihi 680 juta penduduk.

Peluang kerjasama antara Koperasi Jasa Dharma Wanita UNAND bersama koperasi wanita dan rangkaian koperasi universiti di Malaysia terbuka luas dalam bidang:

1. **Ekonomi Penjagaan (Care Economy) & Perkhidmatan:** Perkongsian model perkhidmatan pusat jagaan kanak-kanak (*day care*) dan penjagaan warga emas berasaskan koperasi.
2. **Pemasaran Produk Usahawan Wanita:** Membuka laluan pasaran bagi produk makanan warisan Minang, kraftangan, dan produk inovasi kampus ke rangkaian *Coopmart* di Malaysia.
3. **Penyelidikan & Latihan Modal Insan:** Kolaborasi ilmiah dan latihan keusahawanan wanita antara

gerakan koperasi Malaysia bersama para cendekiawan di Universitas Andalas.

[6. PENUTUP & HARAPAN]

Saya mendoakan semoga kunjungan Koperasi Jasa Dharma Wanita UNAND ke ANGKASA ini menjadi pemangkin kepada jalinan kolaborasi strategik dan pertukaran amalan terbaik yang berpanjangan antara Malaysia dan Sumatera Barat.

Sebelum saya mengakhiri ucapan, izinkan saya menitipkan dua rangkap pantun:

*Batang Selo mengalir tenang,
Singgah berteduh di pohon kuini;
Srikandi hebat dari Ranah Minang,
Membawa berkah ke bumi Madani.
Tenun songket sulaman tekad,
Cantik dipakai puteri bangsawan;
Dharma Wanita teguh muafakat,
Koperasi Makmur sepanjang zaman.*

Dengan lafaz *Bismillahir-Rahmanir-Rahim*,
saya mengalu-alukan perbincangan dan
sesi jaringan perniagaan bersama warga
delegasi sekalian.

Wabillahi Taufiq
Wassalamu'alaikum
Wabarakatuh.

Wal Hidayah,
Warahmatullahi

Terima kasih.